

Hikmah Kisah Kebangkitan Kita

Penulis:

Angzzas Sari Mohd Kassim¹, Md. Asrul Nasid Masrom², Aida Maryani Abd Wahab³, Farah Deena Md Rapee⁴, Hawa Omar⁵

Emel:

angzzas@uthm.edu.my¹, asruln@uthm.edu.my², maryani@uthm.edu.my³, fdeena@uthm.edu.my⁴, hawa@uthm.edu.my⁵

Abstrak: Buku ini merangkumi kisah-kisah inspiratif dari individu yang berjaya mengatasi cabaran dan ujian dalam kehidupan mereka. Kisah-kisah dalam buku ini menunjukkan bahawa setiap orang tidak pernah sunyi daripada cabaran dan ujian dalam kehidupan mereka. Namun, apa yang membezakan antara individu yang berjaya dan tidak berjaya adalah cara mereka menghadapi cabaran dan ujian tersebut. Dalam buku ini, para penulis berkongsi strategi dan cara mereka bangkit daripada cabaran dan ujian, serta bagaimana mereka menghadapi keadaan yang sukar, melalui proses pemulihan dan akhirnya dapat merasai manisnya kejayaan setelah berjaya menangani cabaran tersebut. Pengalaman adalah guru yang paling baik dan merupakan proses yang menjadikan seseorang itu matang serta berhikmah. Namun, kita tidak hidup selama-lamanya untuk mengalami semuanya. Belajarlah daripada pengalaman orang lain. Kita akan dapat mempercepatkan proses pembelajaran dan mencegah diri daripada sakitnya ujian.

Kata Kunci: Strategi, proses, cabaran, pengalaman, ujian



Hikmah

KISAH KEBANGKITAN KITA!

EDITOR

ANGZZAS SARI MOHD KASSIM
MD. ASRUL NASID MASROM
AIDA MARYANI ABD WAHAB
FARAH DEENA MD RAPEE
HAWA OMAR



Penerbit
UTHM



Hikmah

KISAH KEBANGKITAN KITA!



Hikmah

KISAH KEBANGKITAN KITA!

EDITOR

ANGZZAS SARI MOHD KASSIM
MD. ASRUL NASID MASROM
AIDA MARYANI ABD WAHAB
FARAH DEENA MD RAPEE
HAWA OMAR



© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2023

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti.

Editor:

Angzzas Sari Mohd Kassim
Md. Asrul Nasid Masrom
Aida Maryani Abd Wahab
Farah Deena Md Rafee
Hawa Omar

Diterbit oleh:

Penerbit UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 8698 / 8529
No. Faks: 07-453 6145

Dicetak oleh:

MIHAS GRAFIK SDN.BHD

No.9 Jalan SR 4/19 Taman Serdang Jaya
43300 Seri Kembangan,
Selangor
No. Tel: 03 - 8942 9052
No. Faks: 03 - 8942 9054

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>

E-mel: pemasaran.uthm@gmail.com

<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia
(MAPIM)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-7566-50-4



Kandungan

<i>Kata Pengantar</i>	vii
<i>Prakata</i>	xv
<i>Penghargaan</i>	xvii

Bangkit Organisasi

Adaptasi Budaya Kerja Baharu dan Hikmah	3
Pandemik Covid-19	
Hawa Omar	

Bangkit Keluarga

Aku, Kami, PCOS Dan Zuriat	25
Nurulisyazila Othaman	

Bangkit Kesihatan

Aku Tidak Kuat Tetapi Aku Tidak Pernah	41
Mengalah	
Norlia Salleh	
Kekal Sihat: Pentingkah Ia?	53
Hasanah N. Yusof	
Melawan Kanser dengan Mata Pena	67
Shafry Salim	

Bangkit Ketuhanan

Cerita Aku Eksklusif untuk Semua Pembaca	93
Asmah Jailani	
Tenaga Kita Bocor ke Mana?	109
Angzzas Kassim	



Bangkit Pendidikan

Mendaki ke Puncak dari Gaung yang Dalam	121
Norkhairolizah binti Hamzah	
Air Mata Emak	135
Mohammad Kamil Abdullah	

Bangkit Peribadi

Introvert dan Kemajuan Diri	143
Khairul Akmal Rahimi Ahmad Kamil	
Kebahagiaan Bermula dari Dalam Diri Anda	153
Noraishah Daud	
Kemanisan dalam Ujian	167
Zakiah Kamdi	
<i>Biografi Penulis</i>	183



Kata Pengantar

Prof. Ir. Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim

Naib Canselor UTHM

PETIKAN FB

RISE 2022 & Penyelidik Muda

Syabas dan tahniah! Saya sangat berbangga dengan kejayaan penyelidik-penyelidik dan pensyarah muda di RISE 2022. Khususnya dalam kalangan spektrum UTHM.

Saya juga pernah berada dalam lingkungan umur anda. Ketika itu, saya diberi peluang yang luas oleh senior dan sifu saya untuk mempamerkan bakat dan mempertontonkan kredibiliti saya sama ada dalam inovasi penyelidikan, pentadbiran mahupun penerbitan.

Tentunya saya di sini kerana mereka. Hal ini kerana mereka tidak menekan, menutup ruang mahupun meminggirkan saya yang pada ketika itu dilihat sebagai pensyarah muda yang ada potensi untuk meneruskan legasi mereka. Itulah, semangat daya saing yang perlu ada pada kita semua.

Kadangkala apabila kita melihat orang itu sebagai pesaing kita, kita cepat berprasangka. Kita menjadi tidak keruan kerana beranggapan bahawa dia akan mengelilan ruang kompetensi diri sendiri. Bukankah, rezeki itu telah ditetapkan oleh Allah?

Lihatlah dari sudut positif. Dengan adanya pesaing kita itu, pasukan kita akan jadi lebih kuat, keputusan yang dibuat akan jadi lebih pragmatik dan output yang terhasil akan lebih pantas cemerlang.

Idealisme pensyarah dan penyelidik muda selalunya lebih segar, tenaganya yang agresif dan penyelesaian yang sesuai dengan

atmosfera semasa. Berilah mereka ruang. Biar mereka rekapitulasi dengan keberhasilan kendiri.

Buktinya, data diperolehi semasa saya sebagai TNCPI UTHM kekuatan penyelidik muda UTHM inilah yang telah menyumbang kepada lebih daripada 166.96 peratus terimaan dana kebangsaan, industri dan antarabangsa di samping menghasilkan 52.3 peratus penerbitan jurnal berindeks Scopus bagi tahun 2018 iaitu lebih separuh daripada hasil keseluruhan penerbitan UTHM pada tahun semasa.

Jika kita aplikasikan di dalam ruang UTHM, mereka yang pensyarah dan penyelidik muda ini akan menjadi *golden* aset kepada universiti untuk terus konsisten mengangkasakan kejayaan yang lebih besar dan menyumbang kepada pembangunan UTHM pada masa akan datang.

Malanglah, sedari awal. Ruang, peluang dan potensi mereka dibungkam. Apabila mereka mendaki, kita tarik mereka jatuh. Apabila mereka timbul, kita tekan mereka lemas. Akhirnya, yang tinggal hanyalah mereka yang lebih lemah dari kita. Tiada siapa akan jadi generasi penerus.

Yakinlah pada rezeki yang ditentukan. Kita sebagai seorang yang lebih berpengalaman, jangan bersikap apatisma. Kita perlu angkat dan bimbing mereka yang lebih muda untuk menjadi lebih kuat dan bijak daripada kita. Atau sekurang-kurangnya sama seperti kita.



*Gambar ini diambil ketika saya masih di RMC UTM
sekitar 2009 - awal 2013

Kata pujangga,

Guru yang buruk, guru yang berbicara tanpa tindakan. Sedangkan guru yang baik adalah guru yang dapat mentransformasikan ilmunya. Akan tetapi, seorang guru yang luar biasa yang dijadikan harapan untuk menumbuh-kembangkan universiti ini adalah guru yang berhasil menginspirasi. Dengan keteladanannya, dengan karyanya.

Berdoalah agar semua ilmu ini menjadi amal jariah buat kita semua. Insya-Allah!

#rarquotes
#kebersamaan
#trusttheprocess
#RISE2022
#ncuthm
#uthmvc
#UTHMproducesprofessionals

Keaslian Integriti Membentuk Intelektual Kritis

Dalam menghasilkan kertas kajian, akademik berperanan seperti seorang pujangga. Memberihkan *intellectual sincerity* dan *intellectual stringency* itu dalam membentuk fikrah masyarakat.

Praktis dan amalannya mesti bersandarkan kebertanggugjawaban integriti iaitu karyanya yang asli. Kritisnya intelelegensi akademia ini lebih terzahir jika dapat memandu karyanya terus ke fikiran masyarakat. Dengan kata lain, ianya lebih "mesra marhaen", semua golongan memahami dan impaknya dirasai.

Minda yang berani berfikir. Minda yang berani mendasari bukan setakat tenaga fikir. Membelah permasalahan masyarakat, sesat dan teriak mereka perlu menjadi tujuan kepada lambakan jurnal dan analitik kajian para akademik. Sekali gus mempertingkatkan daya pengeluaran ke arah pembangunan komuniti. Malanglah andainya

para ilmuan kita sampai kehilangan khalayak kerana terlalu asyik menyendiri di dunia sendiri.

Terbitnya idea datangnya dari lingkungan semesta, asasnya kita kerana masyarakat. Benarlah. Bak kata pujangga, sekenyang-kenyang bunting, rumput pun di mamah jua. Sejauh-jauh melenting, kembali ke tanah jua.

Hendaknya, dengan ini dapat mengingatkan tanggungjawab dalam mandala ingatan kita, bahwasanya kita bukan sahaja sebagai cendekia bitara, tetapi sebagai nukleus komuniti dalam banyak perkara!

#rarquotes
#trusttheprocess
#kebersamaan
#ncuthm
#GTU2030
#uthm30tahun
#UTHMchampioningTVET
#UTHMproducesprofessionals



Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun Ke-30 UTHM

Syukur Alhamdulillah. *nak disampaikan panjang tapi bermakna.

Ucapan terima kasih mungkin tidak memadai, namun jauh di sudut hati saya berasa begitu terhutang budi, menghargai apa yang telah keluarga UTHM laksanakan terutama oleh Pejabat Pendaftar dan Pejabat Penolong Naib Canselor (Digital & Infrastruktur) bersempena Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun Ke-30 UTHM.

Jutaan penghargaan terima kasih terutama kepada YAB Menteri Besar Johor Dato' Onn Hafiz Ghazi, YB Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi Rohani Setiausaha Kerajaan Johor dan semua yang terlibat menjayakan majlis yang bersejarah ini.

Kehadiran YAB Dato' MB amat bermakna dan membawa mesej yang jelas bahawa YAB amat prihatin terhadap institusi pendidikan khususnya kepada keluarga UTHM.

Majlis kali ini adalah cantuman tiga majlis bersejarah. Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun Ke-30 UTHM, Majlis MoU antara TM & Huawei bersama UTHM & UTM dan Pelancaran Makmal Kecerdasan Buatan Kebangsaan. Melalui cara ini, kita dapat menjimatkan perbelanjaan dan juga meningkatkan penyelarasan serta kerjasama antara pemegang taruh yang terlibat.

Antara perkara yang saya boleh rumuskan yang dicapai UTHM dalam ucapan dan pertemuan dengan YAB Dato' MB:

1. Johor menuju negeri maju dengan FDI 2022 lebih RM60 bilion paling tinggi dalam negara.
2. Di samping memperkuuh dan memacu pertumbuhan ekonomi. Pendidikan adalah kunci dan asas bagi mencapai keadilan sosial. Ikrar untuk memastikan Johor menjadi sebuah negeri maju 2030, perlu dipastikan setiap dalam kalangan rakyat negeri dapat merasai nikmat pembangunan dan diberi peluang bersama-sama dalam menjayakan proses pembangunan negeri ini. Mahasiswa juga tidak terkecuali apabila kerajaan negeri menyasarkan peluang pekerjaan yang luas kepada semua mahasiswa terutamanya di kawasan industri Pengerang.
3. Membentuk identiti negeri yang unggul dan bertaraf global. Kerajaan Johor akan terus membantu Aeronautik UTHM di Tg. Labuh sebagai sebahagian daripada *state strategy* dalam mengasaskan Johor sebagai pemain utama industri yang akan dilengkapi dengan kemudahan landasan kapal terbang (*airstrip*) serta menara kawalan. Dengan ini juga, diperlihatkan peranan UTHM dalam mentranformasikan komuniti Tg. Labuh dengan pembangunan Kampus Tg. Labuh melalui program aeronautik dan juga perancangan penawaran program maritim. Izharnya, dalam pembangunan negeri kini UTHM tidak boleh lagi dilihat

sebagai tempat mencipta dan menerokai ilmu melalui proses pembelajaran dan pengajaran serta penyelidikan dan inovasi semata-mata, sebaliknya melangkah luas memperkasakan peranan ketiganya iaitu perkhidmatan untuk masyarakat atau komuniti.

4. Ekosistem baharu dunia kini memperjuangkan pembaharuan radikal dengan mengaplikasikan perkembangan digital dalam akses pendidikan. Bertunjangkan Revolusi Industri 4.0, menjadikan senario dan cabaran pembelajaran dan pengajaran di atmosfera berbeza. Kerajaan negeri Johor telah menyambut baik Makmal Kecerdasan Buatan sebagai sebahagian daripada *state strategy* untuk pembangunan modal insan berkemahiran. Impaknya adalah kita akan menyaksikan perkembangan UTHM dalam memperkuuhkan asas landasan yang sudah terbina ini dalam kebangkitan Johor sebagai ekonomi berpengetahuan.

Menyahut seruan YAB, kita seharusnya berkolaborasi dan bekerja sebagai satu keluarga, satu saf dan satu pasukan. Marilah kita mengangkat semangat kebersamaan, bertanggungjawab untuk melaksanakan yang terbaik dan ianya akan sentiasa menjadi pegangan serta amalan dalam kerja kita sehari-hari dalam menunaikan amanah untuk universiti dan negeri. Bak kata pepatah, yang gagah memikul beban, yang bijak diajak berunding, yang bingung meminta arah.

Insya-Allah, didoakan dengan ini iltizam dan komitmen warga kerja UTHM juga lebih bersemangat baharu apabila mentari terbit pada esok harinya.

Dengan hikmah kita meneroka!



**Majlis Menandatangani
Perjanjian Persefahaman (MoU)
&
Pelancaran Makmal Kecerdasan
Buatan Kebangsaan
(National Artificial Intelligence Lab)**

18 Oktober 2022

Dewan Sultan Ibrahim

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor



prakata

Bismillahirrahmanirrahim

Kita sering mendengar kata-kata motivasi seperti "jangan berputus asa" atau "teruskan berusaha", tetapi apa yang kita perlu ialah contoh-contoh nyata tentang bagaimana kita boleh menghadapi lantas mengatasi cabaran dan ujian tersebut.

Buku ini merangkumi kisah-kisah inspiratif dari individu yang berjaya mengatasi cabaran dan ujian dalam kehidupan mereka. Kisah-kisah dalam buku ini menunjukkan bahawa setiap orang tidak pernah sunyi daripada cabaran dan ujian dalam kehidupan mereka. Namun, apa yang membezakan antara individu yang berjaya dengan tidak berjaya adalah cara mereka menghadapi cabaran dan ujian tersebut.

Dalam buku ini, para penulis berkongsi strategi dan cara mereka bangkit daripada cabaran dan ujian serta bagaimana mereka menghadapi keadaan yang sukar, melalui proses pemulihan dan akhirnya dapat merasai manisnya kejayaan setelah berjaya menangani cabaran tersebut.

Pengalaman adalah guru yang paling baik dan merupakan proses yang menjadikan seseorang itu matang serta berhikmah. Namun, kita tidak hidup selama-lamanya untuk mengalami semua itu. Belajarlah daripada pengalaman orang lain. Kita akan dapat mempercepatkan proses pembelajaran dan mencegah diri daripada sakitnya ujian.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada para penulis yang telah berkongsi kisah-kisah inspiratif hidup mereka dalam buku ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Penerbit UTHM yang telah bekerjasama dengan para penulis untuk merealisasikan buku ini.

Akhir kata, saya berharap buku ini akan menjadi sumber inspirasi dan motivasi bagi pembaca. Saya juga berharap kisah-kisah dalam buku ini dapat menjadi pengajaran yang berguna untuk bangkit dari cabaran dan ujian. Semoga buku ini memberi bermanfaat kepada pembaca.

Trust The Process! Make UTHM Proud!

Salam sayang,



Dr. Angzzas Kassim

Prof. Madya Dr. Angzzas Sari binti Mohd Kassim

Ketua Editor

Hikmah Kisah Kebangkitan Kita!

Penghargaan

Alhamdulillah. Syukur paling dalam ke hadrat Ilahi di atas keizinan-Nya menzahirnya buku **Hikmah Kisah Kebangkitan kita!** ini.

Setinggi penghargaan dan tahniah kepada sahabat penulis, penyunting, penerbit dan semua penyumbang yang telah memberikan komitmen luar biasa hebat sehingga terbitnya buku ini dengan jayanya. Dengan *time-line* yang begitu singkat, kisah dari setiap penulis dapat dinukilkan dari hati dan disunting dengan hati oleh para editor yang dilantik.

Ianya adalah hasil kompilasi pengalaman berharga staf-staf UTHM dalam mendepani cabaran dan ujian hidup yang sebenar. Buku ini merupakan jaringan kerjasama antara KSUTHM, Pejabat Penerbit dan Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM untuk tatapan sahabat-sahabat pembaca.

Benarlah, apabila organisasi di tempat kerja dilihat sepertinya sebuah unit keluarga, maka setiap ahlinya akan memainkan peranan masing-masing dengan sehabis baik, atas dasar kepercayaan dan kasih sayang. Hasilnya, pencapaian yang hebat dapat diraih dan keberkatan dapat dijemput.

**Tumbuh melata buah bidara
Hinggap molek si rama-rama
Marilah kita jaga dan kita pelihara
Rumah ini amanah kita bersama**

Moga bermanfaat!



Bangkit Organisasi

Adaptasi Budaya Kerja Baru dan Hikmah Pandemik Covid-19

Hawa Omar

**"COVID-19 is a wake-up call and a catalyst for change.
Therefore, change has now become the new normal"**


Penulisan ini merupakan perkongsian pengalaman dalam pengurusan hal ehwal pelajar sewaktu era pandemik COVID-19, khususnya sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pengalaman yang dilalui serta data yang tersimpan 'sayang' untuk dilupakan kerana ia menjadi *tacit knowledge* dan fakta sejarah yang tidak mungkin berulang. Sekalipun berulang, pastinya ia tidak akan sama.

Siapa sangka dalam sekilip mata 'nikmat' hidup yang dikecapi oleh rakyat Malaysia selama ini 'terganggu' dek pengumuman bersejarah pada tahun 2020 oleh Kerajaan Malaysia. Pada tanggal 16 Mac 2020, jam 10.00 malam waktu Malaysia, Perdana Menteri Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin menerusi ucapan secara langsung di kaca televisyen, secara rasminya telah mengisyiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Dengan itu, berkuat kuasa 18 Mac 2020, Malaysia secara rasminya melaksanakan langkah "kawalan pergerakan" bagi membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 dan ianya disusuli dengan pengumuman lanjutan oleh kerajaan untuk fasa-fasa PKP yang berikutnya.

Hikmah Kisah Kebangkitan Kita!

3






Aku, Kami, PCOS dan Zuriat

Nurulisyazila Othaman

Kehidupan tanpa zuriat, layakkah kita berada di antara orang-orang yang berbahagia? Zuriat adalah kurniaan yang Maha Esa kepada hamba-Nya. Seringkali dalam setiap perkahwinan antara yang dinanti-nanti adalah kelahiran zuriat penyejuk mata penenang hati. Namun, dalam tidak sedar ada di antara kita yang sedang diuji dengan sentiasa ternanti-nanti kurniaan ini. Berbahagiakah kita pejuang 'dua garisan' dengan ujian ini dan layakkah kita untuk mengecapi kebahagiaan seperti pasangan lain? Tika ini, bermulalah kehidupan kita sebagai pasangan suami isteri yang sentiasa diuji dan bermulalah juga perjalanan kita sebagai geng *Trying to Conceive* (TTC).

Ini sebuah coretan dari hati. Ini juga ujian terindah buat kami suami isteri. Segala puji hanya bagi Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Andai penulisan ini mengganggu hati teman, maafkan diri yang kerdil yang juga pernah suatu ketika dahulu diuji. Untuk kami suami isteri, sembilan tahun adalah masa yang agak lama, penantian yang agak mencabar. Namun, sebelum memulakan langkah usaha kita, paling utama berbaliklah dan pujiyah Allah sebanyak yang mungkin. Kebahagiaan akan hadir dalam pelbagai bentuk dengan izin-Nya. Selalu redha dan usaha mengikut kemampuan diri kita dan pasangan. Terlalu berusaha hingga membebankan diri sendiri juga



Hikmah Kisah Kebangkitan Kita!



Aku Tidak Kuat Tetapi Aku Tidak Pernah Mengalah

Norlia Salleh

Jam di dinding menunjukkan pukul 8.00 pagi. Sebuah bilik sederhana berukuran 40 X 35 kaki menempatkan 17 orang pekerja. Dinding bercatkan warna putih. Tiada hiasan, hanyalah jam yang tergantung di dinding. Di sebelah kiri bilik terdapat *white board* berukuran 5 X 3 kaki. Tertulis senarai nombor telefon staf dalam unit ini. Setiap pekerja ditempatkan di dalam *partition* berwarna oren dan kuning yang sangat menyerlah warnanya. Duduk menghadap pintu masuk. Tersedia meja, kerusi dan pasti sebuah komputer. Tugasan utama seorang Pegawai atau Penolong Pegawai Teknologi Maklumat adalah membangunkan sistem komputer.

Waktu pagi itu, aku ada misi untuk menyiapkan tugas penting sebelum waktu balik pukul 5.00 Petang. Semampunya aku fokus pada pekerjaanku. Dua jam telah berlalu. Misi sudah 20 peratus membawa hasil. Saat itu kedengaran suara dari rakan di hujung kanan. "Eh kenapa hari ni senyap? Kak Lia cuti ke?". Spontan rakan yang berhampiran dengan tempat duduk ku di sebelah belakang menjawab. "Ada ni, Kak Lia tengah *coding*". Apa lagi aku mula menyampuk. "Kenapa, rindu dengan Kak Lia ke?" Bangun seorang rakan lelaki yang duduk di sebelah kiriku, menjelir lidah tanda meluat dengan jawapan aku. Lalu disambut dengan gelak tawa oleh rakan-rakan lain. Suasana bilik yang senyap tadi bertukar menjadi bising umpama pasar. Bersahut-sahutan bicara jenaka dan sindiran

Hikmah Kisah Kebangkitan Kita!

41

Kekal Sihat: Pentingkah Ia?

Hasanah N. Yusof

Siapa sangka akan menjadi salah seorang mangsa Covid-19? Tidak pernah terlintas di fikiranku bahawa aku dan keluarga akan menjadi sebahagian daripada kontak rapat Covid-19. Kami sekeluarga telah disahkan positif Covid-19 pada pertengahan Disember 2020, tanpa gejala. Suami telah disahkan positif Covid-19 seminggu lebih awal daripada kami. Suami telah dibawa ke Hospital Permai di Johor Bahru pada 8 Disember 2020 (Ahad). Ambulan datang untuk mengambilnya pada jam 1.57 pagi. Kejadian yang tidak pernah dijangka telah berlaku pada kami. Sungguh, aku tidak dapat menahan rasa cemas, sedih dan sebak. Macam-macam rasa yang datang silih berganti dan berkecamuk. Berbagai-bagai persoalan bermain di fikira. Entah bagaimana keadaan suami di sana kelak, berapa lamakah tempoh yang perlu dilalui dan yang paling menakutkan.... tidak mampu aku teruskan untuk melayan perasan....

Kronologi Kejadian

Suami telah diarahkan untuk melakukan ujian *Swab* seminggu lebih awal daripada tarikh kami menjalani ujian *Swab* kerana beliau merupakan kontak rapat dengan ahli mesyuarat di fakulti.

Hikmah Kisah Kebangkitan Kita!

53

Melawan Kanger dengan Mata Pena

Shafry Salim

Pada awal tahun 2020, Malaysia dan dunia dikejutkan dengan gelombang penularan satu virus yang sangat menggerunkan iaitu *Corona Virus* atau COVID-19. Virus ini menakutkan kerana ia sangat mudah merebak serta mampu menyebabkan kematian secara mengejut. Liputan luas di media massa berkenaan keadaan kritikal akibat wabak ini khususnya di China telah mencemaskan penduduk dunia. Akibat penularan yang semakin serius, Malaysia akhirnya melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020 bagi mengawal penularan wabak ini.

Sebagai seorang penjawat awam, aku juga tidak terkecuali dari menjalani pengalaman baharu ini. Operasi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) tempatku bekerja telah ditutup. Hanya beberapa unit kritikal sahaja yang dibenarkan bertugas iaitu secara bergilir. Lebih sembilan puluh peratus staf termasuklah aku hanya bekerja dari rumah. Waktuku sehariannya hanya dihabiskan di rumah. Mujur di kawasan sebelah tepi rumahku terdapat sekangkang kera tanah yang membolehkan aku dan keluarga bercucuk tanam. Walaupun secara kecil-kecilan, ia dikira seperti beriadah ringan dan tidaklah hanya terperuk di bawah bumbung rumah sepanjang hari.

Pada awal bulan April, aku menghadapi sedikit masalah pada peti suaraku. Apabila banyak bercakap, suaraku akan mula serak dan akhirnya menjadi sukar untuk mengeluarkan suara. Situasi ini

Hikmah Kisah Kebangkitan Kita!

67



Cerita Aku Eksklusif untuk Semua Pembaca

Asmah Jailani

Di angkasa nan luas
Terbang sang helang bebas
Menebarkan sayapnya

Sungguh megah lagaknya
Helang mendabik dada
Membelahi angkasa
Dengan gaya perwira



Terbang Helang merupakan lagu yang dinyanyikan oleh Allahyarhamah Sharifah Aini. Helang dan angkasa, benda yang sinonim kita dapat lihat bukan? Aku memang suka melihat awan dan langit. Hampir setiap hari aku akan mengambil gambar dan menjadikannya cerita di facebook dengan ucapan selamat kepada kenalanku. Tetapi, kenapa awan dan bukan benda lain? Aku sebenarnya sangat-sangat kagum dengan ciptaan Ilahi ini. Mana tidaknya, ia terbentang luas di atas tanpa ada tiang, penyokong pun tiada? Kamu semua perasan tidak? Setiap hari keadaan awan dan langit juga berbeza. Sungguh hebat ciptaan Allah SWT yang mencipta semua kehidupan di alam ini.

Hikmah Kisah Kebangkitan Kita!

93

Tenaga Kita Bocor Ke Mana?

Angzzas Kassim

Katanya, dalam sehari ada 60,000 buah fikiran yang menerjah masuk ke dalam kotak minda kita. Bayangkan jika setiap fikiran itu seperti sehelai benang. 60,000 helai benang ini telah memenuhi minda kita! Keadaannya pasti sarat bukan? Lebih-lebih lagi, jika kesemua benang itu tidak tersimpan rapi. Bergumpal-gumpal sana sini. Fuhhh... Sesak. Mungkin inilah keadaan yang dikatakan '*brain fog*' iaitu otak jadi '*berkabus*'. Keadaan di mana kita tidak nampak apa yang ada di depan mata. Semuanya kelihatan tidak jelas dan mengelirukan. Hilang fokus untuk seketika dan kemampuan untuk buat keputusan yang baik juga mungkin terjejas.

Dikatakan juga sebanyak 80 peratus daripada fikiran ini adalah fikiran yang sama dan ianya terbit daripada masa semalam ataupun masa lampau. Di dalam kotak minda kita, kita sepertinya sedang hidup dalam sebuah wayang yang bermain pada masa itu. Kita melihat, mendengar dan merasai apa yang terjadi pada waktu itu. Maknanya, dalam kebanyakan masa, kita sedang mengitar semula fikiran yang sama berkali-kali. Kita sebenarnya sedang hidup di masa lampau. Adakah ianya sesuatu yang baik atau buruk untuk diri kita? Kedua-duanya boleh menjadi benar. Mari kita lihat bagaimana ia terjadi.

Jika ianya adalah satu fikiran yang positif, ia tentunya mengujakan kita. Ia membuatkan kita berasa gembira, tenang dan bahagia.

Hikmah Kisah Kebangkitan Kita!

109



Bangkit Pendidikan

Mendaki Ke Puncak dari Gaung yang Dalam

Norkhairolizah Hamzah

"Awak hendak buat tentang model kreativiti atau tentang meningkatkan kreativiti pelajar?" tanya Profesor penyeliaku pada pertemuan pertama kami di bangunan Chichester I, University of Sussex, United Kingdom (UK). Matahari di luar sederhana cerah dan suhu dingin selesa sekitar 18 darjah celsius. Tompok salji yang turun kelmarin masih kelihatan lewat pada musim bunga. Begitulah cuaca di UK, sangat tidak boleh dijangka!

"Meningkatkan kreativiti pelajar," jawabku dengan suara yakin.

"Oh, ia akan menjadikan PhD awak lebih sukar," balas Profesor itu.

Selepas pertemuan pertamaku dengan Profesor penyeliaku itu, dua hari selepas menjejakkan kaki ke UK, aku berasa bebas bercampur cemas. Bebas, berbanding rakan penyelidik PhD yang lain dalam makmal *Representation and Cognition*, aku telah membuat proposal yang baik sejak awal. Rakan penyelidik lain yang datang dari Netherland, Mexico, Turki, Britain dan Malaysia sebahagiannya melengkapkan PhD sebagai pembantu penyelidik di bawah seliaan Profesor yang sama, manakala ada juga yang memohon tajuk baharu daripada penyelia. Tetapi aku diberikan autonomi untuk meneruskan dengan tajukku. Cemas kerana ini bukan Jabatan Psikologi atau Sekolah Pendidikan atau Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Ini adalah Jabatan Informatiks, Fakulti Kejuruteraan



Berjurai air mata emak selepas melepaskan tamparan ke muka aku. Inilah pertama kali aku ditampar oleh emak.

Apakah rasa yang bermain dalam fikiran aku? Sedih... sakit... insaf... arghh... macam-macam lagi. Yang paling aku tidak boleh lupakan adalah juraian air mata emak pada ketika itu.

Cerita ini bermula sebelum aku dihadiahkan tamparan pertama daripada emak. Kami ke sekolah untuk mengambil kad laporan. Mengah menghebohkan anak-anak emak gagahi dari satu kelas ke satu kelas yang lain berjumpa dengan guru kami tiga beradik.

Apabila tiba giliran aku, Cikgu R yang merupakan cikgu kelas aku, telah menunggu dengan senyuman yang penuh mesra, lengkap dengan berpakaian sari. Aku tersengih lalu duduk bersebelahan dengan emak berhadapan dengan Cikgu R dengan mengetahui perihal aku akan didedahkan oleh cikgu kepada emak. Sedang aku mengelamun memandang ke kiri ke kanan, telinga aku seolah ditempik dengan kata "kurang ajar".

"Anak mak cik ni kurang ajar dalam kelas" itulah kata yang diluahkan oleh Cikgu R.



Bangkit Peribadi

Introvert dan Kemajuan Diri

Khairul Akmal Rahimi Ahmad Kamil

Punai terbang meninggalkan sarang,
Singgah pula si burung kedidi,
Penulis menyatakan selamat datang,
Sebuah nukilan tidak seberapa ini.

Ayam berkокok di tepi batas,
Tanda bermula siangnya hari,
Adalah pelbagai masyarakat juga RAS,
Terindah bila saling mengenali.

Itik pulang pada waktu petang,
Sebelum purnama memunculkan diri,
Introvert itu bukan penghalang,
Semua insan bisa majukan diri.

Pertamanya, syukur ke hadrat llahi kerana kita masih diberi peluang untuk menjalani kehidupan seperti seorang insan dengan diberikan kesihatan yang baik dari segi fizikal, mental dan spiritual. Penulis ingin mengajak para pembaca berfikir sejenak akan nikmat yang telah kita perolehi sebaik sahaja kita mencelikkan mata selepas bangun daripada tidur. Semestinya, pengambilan oksigen secara normal adalah nilai yang tidak terhingga yang telah disediakan oleh-Nya secara percuma. Justeru, ucapan terima kasih kepada Maha Pemberi Nikmat adalah perkara terbaik yang perlu kita lakukan.

Hikmah Kisah Kebangkitan Kita!

143

Kebahagiaan Bermula dari dalam Diri Anda

Noraishah Daud

"Kebahagiaan bermula daripada anda. Bukan melalui perhubungan, bukan kerana kerjaya, bukan kerana wang, tetapi dari dalam diri anda".



Pentingkah Kesejahteraan dalam Hidup?

Kita sering menganggap hidup kita bahagia dan sejahtera kerana kita memiliki kesihatan fizikal yang baik. Sebenarnya konsep yang lebih luas tentang kebahagiaan dan kesejahteraan merangkumi bukan sahaja kesihatan fizikal, tetapi juga kesejahteraan emosi, mental dan sosial. Secara umumnya, kesejahteraan penting atas beberapa sebab. Pertamanya, apabila kita merasa sihat, kita dapat berfungsi dengan sebaik mungkin dalam kehidupan kerana kita mempunyai lebih banyak tenaga dan semangat yang positif.

Kemanisan dalam Ujian

Zakiah Kamdi

"I normally ask my doctors not to tell the patient diagnosis results via phone call. But I need you to do the test at other facility, so that we can attach the result with the referral letter. I'm sorry that I need to tell you that you had a tumour, so we need to refer your case to neurosurgery expert in HSA".

Itulah antara bait-baik kata Ketua Pakar Oftalmologi (mata), Hospital Sultanah Nora Ismail yang dimaklumkan kepadaku pada tanggal 11 Januari 2017. Pada ketika itu, aku dalam perjalanan pulang untuk makan tengah hari bersama sahabat-sahabat. Aku terus membisu di dalam kereta selepas menerima panggilan itu. Usai tiba di pejabat, perkataan tumor terus terngiang-ngiang di telinga dan bermain dikotak fikiranku seakan-akan aku sedang bermimpi. Dengan penuh debaran, aku terus menghubungi suami dan memaklumkan berita itu. Tanpa disedari, pecah juga kolam air mataku yang ditahan sedari tadi. Nada suaraku tersekat-sekat dengan perasaan bercampur-baur cuba menyampaikan pesanan doktor tadi.

• • •

Semuanya bermula pada Oktober 2016 di mana ketika itu kandunganku berusia lebih kurang empat bulan. Semasa memandu, aku tidak dapat membaca nombor di kenderaan hadapan dengan

Hikmah Kisah Kebangkitan Kita!

167

Biografi Penulis



Prof. Madya Dr. Angzzas Sari Mohd Kassim

telah menerima penganugerahan ijazah kelas pertama dalam bidang Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dari *University of Manchester Institute of Science & Technology* (UMIST), UK. Beliau menyambung pengajian Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Bioteknologi Tumbuhan dari *University of Strathclyde*, Glasgow, UK. Dr. Angzzas merupakan seorang pendidik di Jabatan Teknologi Kejuruteraan Kimia, Fakulti Teknologi Kejuruteraan, UTHM. Sepanjang perkhidmatan, beliau pernah menggalas pelbagai tanggungjawab seperti Ketua Jabatan, Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa) dan Penilai luar program akademik di beberapa Universiti tempatan. Kini, Dr. Angzzas merupakan seorang jurulatih *Neuro Linguistic Programming* (NLP) bertauliah dengan aspirasi untuk mendidik anak bangsa menjadi modal insan yang hebat demi negara dan agama. Justeru, beliau komited mencurahkan tenaga dalam usaha mencungkil potensi diri, mengasah bakat serta memperkasakan kecemerlangan pelajar, pendidik dan masyarakat secara amnya menerusi teknologi minda NLP, baik di dalam maupun di luar negara.



Asmah Jailani dilahirkan di Batu Pahat pada 18 Januari 1976. Beliau memperolehi Diploma Kesetiausahaian Eksekutif di Insitut Teknologi Mara (iTMA) Shah Alam. Beliau mula berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir (Kesetiausahaian) di KUiTHO pada tahun 2001. Beliau pernah berkhidmat di Pejabat Kualiti, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Pusat Pengajian Siswazah dan kini bertugas di Pejabat Antarabangsa. Cerita Aku Eksklusif Buat Semua Ini merupakan karya sulung yang dihasilkan dengan harapan semoga pengalaman tersebut dapat memberi manfaat kepada pembaca. Moto hidup beliau "**Setiap ujian adalah cabaran menuju kejayaan**".



Puan Hasanah Yusof mula bertugas di ITTHO pada September 1996 sebagai Jurutrengkas, Pembantu Tadbir (Kesetiausahaian) (KUiTHO), dan sebagai Setiausaha Pejabat (UTHM). Selama 26 tahun beliau telah bertugas di 10 buah PTJ bersama 24 orang ketua. Beliau memperolehi Diploma Sains Kesetiausahaian (ITM) Kuantan – Jengka (1995), Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia dengan Kepujian di OUM (2015), Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan di UTHM (2017) dan kini sedang menyambung pengajian di peringkat *Doctor of Business Administration* di OUM. Kini, beliau bertugas di Pejabat Provost UTHM, Kampus Cawangan Pagoh. Beliau pernah bekerja di UIAM Petaling Jaya dan di Melaka sebelum menyertai UTHM. Beliau pernah berkongsi ilmu tentang kolesterol di dalam sesi Perkongsian Ilmu di PTM (2019).

Beliau merupakan Ahli Bersekutu *Society for the Advancement of Hormones and Healthy Aging Medicine*, MALAYSIA (SAHAMM). Beliau adalah pemegang Tali Pinggang Hitam (*Black Belt 1st Degree*) *International Taekwondo Federation* (ITF) No. Pendaftaran M-1-1541. Kini, beliau adalah Timbalan Presiden Persatuan Taekwon-Do (ITF) Daerah Batu Pahat. Beliau merupakan Penasihat Kelab Taekowndo (ITF) Pelajar UTHM sejak tahun 2012. Moto beliau "***Change Your Attitude & You'll Change the World***".

.....



Puan Hawa Omar merupakan Timbalan Pendaftar Kanan yang telah berkhidmat selama 22 tahun di UTHM bermula dari 1 Jun 2001. Beliau merupakan graduan Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (UKM) (1997) dan Sarjana Pembangunan Sumber Manusia (UTM) (2014). Kini, beliau bertugas sebagai Pengarah Pusat Pembangunan Perniagaan sejak 1 April 2023. Terdahulunya, beliau pernah menyandang jawatan sebagai Pengarah Pejabat HEP, Ketua Pentadbir bagi Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan & Perundingan, FKMP, FKAAS, FPTP dan Pentadbir di PPA. Puan Hawa Omar telah membangunkan polisi berkaitan penyelidikan & inovasi, hal ehwal pelajar serta terlibat dalam aktiviti penyelidikan dan program berteraskan khidmat masyarakat. Beliau juga telah membantu RMC UTHM mendapat pengiktirafan sebagai *Approved Research Institute* (bagi insentif *Double Tax Deduction*) daripada Kementerian Kewangan Malaysia dan pernah dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Cemerlang oleh Menteri Pendidikan Malaysia pada tahun 2018. Beliau turut menerima Anugerah Tokoh Pentadbir (2022), Anugerah Skim Penyelidikan – Skim Lain-Lain (Tempat Pertama) (2022) dan Anugerah Kepimpinan Perdana (Emas) (2019) sempena Majlis Anugerah Pentadbir UTHM. Kini, beliau merupakan ahli dan telah

ditauliahkan *Certified Human Resource Manager* oleh *Malaysian Institute of Human Resource Management* (MIHRM) (2022). Beliau turut memegang jawatan Timbalan Setiausaha KSUTHM Sesi 2021/2023 dan Penyelaras Taska & Tadika UTHM Sesi 2022/2023.

.....



Tuan Khairul Akmal Rahimi Ahmad Kamil merupakan Penolong Pendaftar di Pusat Kemajuan Kerjaya dan Alumni UTHM. Anak jati Kluang ini memulakan kerjaya di dunia pentadbiran dan pengurusan pejabat bermula pada Jun 2019 serta pernah ditugaskan di beberapa Pusat Tanggungjawab (PTj) seperti Pejabat Pendaftar dan Pusat Pembangunan Perniagaan. Beliau mempunyai pengalaman sebagai Arkitek Landskap di Provinca Landscape Design Sdn. Bhd., Pelukis Pelan di Azstep Design serta menjadi Kerani Am di El-Izzah Travel and Tours Sdn. Bhd. Beliau juga melibatkan diri dengan acara-acara di UTHM berkaitan dengan multimedia dan susun atur ruang. Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Seni Bina Landskap dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan juga bergiat aktif sebagai pelukis termasuk menyumbang karya mural-mural di UTHM. Penglibatan dalam penulisan adalah lebih kepada penulisan ringkas di blog peribadi sejak era pandemik 2020.



Dr. Noraishah Daud merupakan Timbalan Ketua Psikologi Kanan di Pusat Kaunseling Universiti UTHM. Beliau memulakan kerjaya di UTHM sejak tahun 1996. Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Ijazah Sarjana dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Ijazah Kedoktoran dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau merupakan kaunselor yang berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia dan juga ahli seumur hidup Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA). Dr. Noraishah mempunyai kepakaran dalam mengendalikan latihan pembangunan kendiri dan psikososial untuk para pelajar sekolah rendah, menengah, IPT, staf serta organisasi/institusi luar. Bidang pengkhususan beliau adalah dalam bimbingan kaunseling dan psikologi. Kini, beliau menjawat jawatan sebagai Pengarah Pusat Kaunseling Universiti.



Dr. Norkhairolizah Hamzah berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. Dr. Norkhairolizah memegang Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan (Psikologi) dan Sarjana dalam bidang Pendidikan (Psikologi Pendidikan) daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau meneruskan pengajian Kedoktoran di Universiti of Sussex, Brighton, UK dalam bidang Informatiks. Beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah Madrasah Tahfiz Kota Tauhid di Kota Tinggi yang ditubuhkan sejak 2017 hingga kini. Beliau juga merupakan pengasas kepada Ruhul Zikri Training Consultancy/ Rumah Ngaji Seri Muar di Batu Pahat. Beliau adalah salah seorang konsultan kebangsaan bagi *Soul Fitness Centre*, Yayasan Warisan Ummah Ikhlas/Sinar-Karangkraf yang menekankan pendidikan kesihatan mental.

Di UTHM, beliau terlibat dalam khidmat kemasyarakatan selaku Felo Masyarakat FPTV di bawah Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC). Beliau adalah ahli *American Psychological Association* (APA), Ahli *Cognitive Science Society* dan Persatuan Psikologi Malaysia (PSIMA). Beliau telah berkecimpung selama lebih 21 tahun dalam bidang pendidikan. Sebelum menyertai UTHM, beliau pernah menjawat jawatan kaunselor di beberapa buah sekolah swasta selain sebagai guru mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sains dan al-Quran.

.....



Puan Norlia Salleh merupakan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan di Pusat Teknologi Maklumat UTHM. Beliau memulakan kerjaya di UTHM sejak Ogos 2003. Anak kelahiran Seri Medan Batu Pahat Johor ini lahir pada 23 Julai 1973. Beliau berpendidikan Diploma Sains Komputer dari Institut Teknologi Mara. Puan Norlia juga pernah berkhidmat sebagai Penolong Eksekutif Teknologi Maklumat di Pelaburan Johor Berhad anak syarikat kepada Johor Coorporation selama 7 tahun. Sepanjang tempoh perkhidmatan, beliau banyak terlibat dengan pembangunan dan penyelenggaraan sistem komputer. Antara sistem yang pernah dibangunkan di UTHM adalah Sistem Maklumat Staf, *Research Management System* (RMS), E-klinik Panel, *My Expert Finder*, *Organizational Research Knowledge Experts* (ORKED) dan Sistem Maklumat Kerjasama Universiti (SMKU). Menulis adalah hobi yang baru diterokai. Hasil daripada tulisan ini, diharap dapat diabadikan segala pengalaman dan ilmu yang diperolehi untuk dijadikan sebagai pedoman peribadi khususnya. Baginya, menulis dapat mencetuskan semangat untuk lebih positif dalam melalui ujian dan dugaan hidup. Diharap segala pengalaman yang dikongsikan dapat memberi manfaat kepada orang lain.



Puan Nurulisyazila Othaman berkhidmat sebagai seorang guru Bahasa Arab di Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Bahasa Arab dan Kesusasteraan Arab dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah bahasa Arab (pengajaran dan pembelajaran). Beliau pernah berkhidmat sebagai fasilitator bahasa Arab separuh masa pada tahun 2008. Puan Nurulisyazila juga pernah berkhidmat sebagai guru Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama At-Tarbiyah, Batu Pahat. Selain menjadi tenaga pengajar Bahasa Arab, beliau turut berkhidmat sebagai pengajar Tulisan Jawi dan Khat di UTHM. Pengalaman beliau dalam bidang penulisan di UTHM adalah sejak 2016. Beliau banyak menghasilkan penulisan berbentuk berita program dan artikel. Sehingga 2022, sebanyak lebih kurang 29 penerbitan telah diterbitkan yang mana tiga di antaranya merupakan modul pengajaran dan pembelajaran.



.....

Encik Shafry Salim merupakan Timbalan Pendaftar di Pusat Kepimpinan dan Kompetensi UTHM. Sejak memulakan kerjaya di UTHM iaitu pada tahun 2004, beliau pernah menjawat pelbagai jawatan di beberapa Pusat Tanggungjawab. Antaranya sebagai Ketua Jabatan Komunikasi Korporat, Timbalan Pendaftar di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Ketua Pejabat Canselor, Pegawai Khas kepada Naib Canselor, Pegawai Perhubungan Awam, Pegawai Perhubungan Istana dan Penolong Pendaftar Pejabat Penerbit. Beliau juga pernah menjadi Felo Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail, Yang Dipertua Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas UTHM (PENTAS), Pengurus Kelab Staf Pejabat Canselor

(Kasturi), Timbalan Pengurus Kelab Staf UTHM, Ahli Lembaga UTHM Berhad serta Timbalan Pengurus Koperasi Masjid UTHM. Pemegang Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) ini juga banyak terlibat dalam penulisan buku dan artikel akhbar. Penglibatan beliau dalam penulisan ini telah melayakkan beliau memenangi Anugerah Penulisan Sosial (Tempat Pertama) dalam Anugerah Pentadbir UTHM 2022 dan Anugerah Penulisan Sosial (Gangsa) dalam Anugerah Pentadbir Gemilang Universiti Awam 2022.

.....



Prof. Madya Ts. Dr. Zakiah Kamdi merupakan Profesor Madya di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang telah berkhidmat sejak tahun 2003. Beliau mendapat pendidikan dalam bidang Kejuruteraan Bahan (2002) dan Sarjana Sains Kejuruteraan Bahan (2003) dari Universiti Sains Malaysia. Pada tahun 2012, beliau telah berjaya memperolehi PhD dari The University of Nottingham, United Kingdom dalam bidang Kejuruteraan Bahan. Beliau pernah menerima Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran pada tahun 2006 dan 2012. Beliau juga pernah dilantik sebagai ketua juruaudit dalaman MS ISO9001:2015 dan juruaudit Program Akademik UTHM. Kini, beliau merupakan pemeriksa luar bagi program Diploma Kejuruteraan Metallurgi, Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi Kimia, Universiti Malaysia Perlis



Prof. Madya Dr. Mohammad Kamil Abdullah

merupakan pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan (FKMP), UTHM. Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal. Beliau kemudian melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Doktor Falsafah di Iwate University, Jepun dan berjaya menamatkan pengajian pada tahun 2013. Beliau telah terlibat secara langsung di dalam pentadbiran UTHM dengan menyandang beberapa jawatan pengurusan termasuk Pengetua Kolej Kediaman, Pengarah Bahagian Keselamatan, Kesihatan dan Persekutuan Pekerjaan, Pengurus Tenaga Universiti dan yang terkini adalah Pengarah Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan.